

# 'Pemimpin perlu tegas soal Islam'

Anwar pegang pesan Al-Qaradawi jaga hubungan baik dengan semua pihak

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemimpin dunia Islam perlu tegas dalam soal agama Islam serta membawa contoh yang baik, pada masa sama mesti mengekalkan hubungan baik dengan semua pihak, termasuk negara Barat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Itu antara pesanan ulama tersohor Islam, Allahyarham Syeikh Yusuf Abdullah Al-Qaradawi yang sentiasa menjadi pegangan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, pesanan itu dinyatakan kepada beliau dalam pertemuan dengan Al-Qaradawi selepas beliau mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) ketika itu, John Kerry di Qatar.

"Beliau berkata, teruskan Anwar (berbincang). Kita perlukan kalangan pimpinan umat Islam yang boleh menyampaikan pandangan kita.

"Orang yang menunjukkan upaya, akhlak yang baik dalam kalangan mereka dan terus me-



Anwar menerima buku daripada Mohammad (dua dari kiri) pada Majlis Peluncuran Buku Syeikh Yusuf al-Qaradawi Sang Pelita Umat di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

ngadakan hubungan dengan mereka.

"Berbeza, padahal kalau di sini, bukan di sinilah, di satu tempat. (Saya) dihentam, (didakwa) alat, ejen.

"Beliau berkata, pada saya (Al-Qaradawi), tidak ramai orang begitu di dunia Islam. Anda harus menjadikan ini tugas anda dengan memanfaatkan kekuatan anda.

"Tegas dalam soal Islam. Jaga soal dari akhlak Islam. Bawa contoh yang baik, tapi pertahankan keperluan kekalkan jalinan de-

ngan semua pihak, termasuk AS dan Eropah. Ini menakjubkan daripada seorang alim dan pemikir," katanya.

## Perlu rujuk karya besar

Beliau berkata demikian ketika meluncurkan buku *Syeikh Yusuf al-Qaradawi, Sebuah Autobiografi: Sang Pelita Umat* di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Nai'im Mokhtar; Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan anak

Al-Qaradawi, Dr Mohammad Al-Qaradawi.

Selain itu, Perdana Menteri turut menekankan kepentingan karya besar yang dihasilkan ilmuwan Islam dijadikan rujukan dalam menyelesaikan masalah yang ada pada hari ini.

Perdana Menteri berkata, ramai yang membicarakan pelbagai isu, termasuk soal Melayu, Islam dan sejarah, namun tidak semuanya membaca dengan teliti mengenai perkara yang dibangkitkan.

"Dalam pertarungan kegal-

uan (kekacauan) pemikiran dalam dunia sekarang, semua bicara soal Melayu, Islam dan sejarah Kedah dan Pulau Pinang, tapi tidak semuanya membaca dan menelaah. Itu masalahnya.

"Sebab itu, merujuk kepada karya besar adalah satu keperluan, membaca dan menelaah. Tidak mungkin seorang guru, pemimpin, apa lagi Perdana Menteri yang harus serba tahu.

"Jadi, harus ada sikap untuk mendengar dan sentiasa membaca khazanah ilmu yang ada," katanya.